

Usah termakan pujian kuasa besar — Dr. M

UM 14 SEP 2004

Oleh HELMI MOHD. FOAD

KUALA LUMPUR 13 Sept. — Tun Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat agar tidak terpengaruh dengan pujian yang diberikan oleh kuasa-kuasa besar kepada negara ini termasuk dalam kes membabitkan pembebasan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September lalu.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, kadang-kala pujian yang diberikan sebenarnya mempunyai sebab dan tidak semuanya dinyatakan dengan ikhlas.

“Itu dia nak puji, dia pujilah... jangan kita (termakan) pancing puji, tak payah pancinglah, dia nak puji, dia puji, tapi kita jangan ambil berat sangat pujian orang tu, dia puji ada sebabnya,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan buku bertajuk *Our Ways* karya Ismail Husin di Perpustakaan Negara Malaysia di sini hari ini.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika ditanya mengenai puji-pujian yang diberikan oleh negara-negara kuasa besar kepada negara selepas Anwar dibebaskan.

Mahkamah Persekutuan pada 2 September lalu membenarkan rayuan Anwar ber-

hubung sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur berkaitan tuduhan meliwat bekas pemandu keluarganya itu dengan keputusan 2:1.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Mahathir berkata, cabaran besar yang perlu dihadapi oleh rakyat negara ini ialah untuk menebus kembali maruah bangsa dengan menunjukkan kemampuan berdiri sama tinggi dengan bangsa lain.

“Justeru kita perlu buktikan kebolehan dan tunjukkan kepada kuasa besar bahawa kita tidak gerun kepada mereka, (sebaliknya), setaraf dengan mereka dari segi kemampuan.”

“Inilah harga yang perlu kita bayar bagi membolehkan kita berdiri sama tinggi kerana tidak tunduk kepada sesiapa,” katanya.

Jelas beliau, rakyat negara ini perlu terus berpegang dengan dengan prinsip kebenaran dan tidak perlu mengharap pujian-pujian daripada sesiapa.

“Pujian itu ada yang palsu, depan saja tetapi di belakang tidak ada (pujian). Kita tidak perlu kepada pujian daripada negara lain.”

“Kita perlu mendisiplinkan diri untuk ti-

dak terlalu menghargai pujian daripada kuasa-kuasa besar,” katanya.

Mengenai pendirian UMNO untuk tidak membuka pintu kepada Anwar, Dr. Mahathir berkata, perkara itu tidak termasuk dalam agenda beliau.

“Saya tak tahu apa-apa, tanyalah mengenai perkara lain, berkenaan dengan itu saya sudah jawab dah, tak ada apa lagi yang nak tambah,” katanya.

Ditanya mengenai pendirian Anwar yang ingin menyatukan barisan pembangkang, Dr. Mahathir menyatakan perkara tersebut adalah soal Anwar dan ia tidak ada kena mengenai dengan beliau lagi.

“Saya bukan Perdana Menteri. Kalau dia nak lawan nak bagi saya jatuh, saya dah jatuh (bersara) dah.”

Dr. Mahathir juga menyatakan beliau tidak lagi mempunyai sebarang ulasan berkaitan politik termasuk mengenai sama ada pakatan pembangkang boleh berjaya walaupun mempunyai mimpi yang berlainan kerana perbezaan ideologi.

“Saya tidak ada lagi komen politik. itu terpulang kepada mereka, dia nak mimpi ka, dia nak tidur sama-sama ka...” ujar beliau.